



## KEMPEN DUITNOW QR HONG LEONG 2022

Dikemaskini pada 29 Mac 2022

### TEMPOH KEMPEN

**"Kempen DuitNow QR Hong Leong 2022 ("Kempen")** Hong Leong Bank Berhad [193401000023 (97141-X)] ("HLB") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad [200501009144 (686191-W)] ("HLISB") (secara kolektif disebut "Bank") bermula pada 01 April 2022 dan berakhir pada 30 Jun 2022, termasuk kedua-dua tarikh ("Tempoh Kempen"), melainkan diberitahu sebaliknya.

### TERMA & SYARAT

Terma dan syarat Kempen ("T&Cs") adalah seperti berikut:

### KELAYAKAN

1. Kempen terbuka kepada seluruh Pelanggan Baharu yang semasa Tempoh Kempen:
  - (a) membuka sebarang Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i (seperti disebut menurut Fasal 4 di bawah) dengan Bank; dan
  - (b) berdaftar sebagai Peniaga DuitNow QR HLB.
2. Kempen terbahagi kepada dua (2) kategori dan terbuka kepada golongan Pelanggan Baharu berikut:
  - (a) **Promosi A:** Pelanggan Bukan Individu dan Penjual Mikro dengan perolehan jualan tahunan bawah Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000) dan adalah daripada industri Makanan&Minuman, Barang Dapur, Runcit, Pertanian atau Pelancongan ("**Pelanggan Promosi A**"); dan
  - (b) **Promosi B:** Empunya Tunggal sahaja ("**Pelanggan Promosi B**").
3. Bagi mengelakkan keraguan,
  - (a) "Pelanggan Baharu" bermaksud mereka yang tidak mempunyai sebarang Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i dengan Bank sebelum Tempoh Kempen.
  - (b) "Pelanggan Bukan Individu" bermaksud keempunyaan tunggal, perkongsian, persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi bukan untung, perkongsian tanggungan berhad, amalan profesional, syarikat sendirian berhad, syarikat tersenarai awam yang berdaftar atau diperbadankan di Malaysia.
4. Akaun sertaan/akaun sertaan-i ("**Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i**") bagi Kempen ini adalah seperti berikut:

<b>Pelanggan Bukan Individu</b>	<b>Penjual Mikro</b>
1. Hong Leong Basic Current Account/Hong Leong Basic Current Account-i; 2. Hong Leong Current Account/Hong Leong Current Account-i.	Hong Leong Savings Account/Hong Leong Savings Account-i;
5. Golongan Pelanggan baharu yang berikut **TIDAK** layak menyertai Kempen ini:
  - (a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki telah melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisyiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen; dan
  - (b) Pelanggan yang ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan sebarang kesalahan yang dinyatakan di dalam ini.

6. Kempen ini **TIDAK** sah bersama mana-mana promosi lain yang sedang berlangsung yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

**Promosi A – Pulangan Tunai DuitNow QR (“Promosi A”)**

**Kaedah Kempen**

7. Untuk layak menerima Ganjaran Promosi A, Pelanggan Promosi A **MESTILAH** memenuhi Kriteria Kelayakan Promosi A seperti tertera dalam Jadual 1 di bawah ini semasa Tempoh Kempen (“**Pelanggan Layak Promosi A**”):

**Jadual 1**

Kelayakan	Baharu kepada Peniaga DuitNow QR*	Sedia Ada kepada Peniaga DuitNow QR**
Ganjaran Promosi A	<b>Pulangan Tunai RM50</b>	<b>Pulangan Tunai RM20</b>
Kriteria Kelayakan Promosi A	Menerima minimum sepuluh (10) DuitNow QR transaksi dalam masa dua (2) bulan dari Tarikh Lulus Perolehan***	Menerima minimum sepuluh (10) DuitNow QR transaksi dalam dua (2) bulan dari Tarikh Lulus Perolehan***
Had Ganjaran	3,400 pelanggan pertama (Dihadkan setakat RM170,000)	2,000 pelanggan pertama (Dihadkan setakat RM40,000)

\*Baharu kepada Peniaga DuitNow QR bermaksud Pelanggan Promosi A yang tidak mempunyai ID Peniaga DuitNow QR yang berdaftar di bawah pangkalan data PayNet sebelum Tempoh Kempen dan berdaftar untuk menjadi Peniaga HLB DuitNow QR semasa Tempoh Kempen.

\*\*Sedia Ada kepada Peniaga DuitNow QR bermaksud Pelanggan Promosi A yang mempunyai ID Peniaga DuitNow QR yang berdaftar di bawah pangkalan data PayNet sebelum Tempoh Kempen tetapi berdaftar untuk menjadi Peniaga HLB DuitNow QR semasa Tempoh Kempen.

\*\*\*Tarikh Lulus Perolehan bermaksud tarikh Bank meluluskan permohonan Peniaga HLB DuitNow QR yang dibuat oleh Pelanggan Promosi A.

8. Setiap Pelanggan Layak Promosi A hanya berhak menerima maksimum satu (1) kali Ganjaran Promosi A tanpa mengira bilangan Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i yang dibuka oleh Pelanggan Layak Promosi A sepanjang Tempoh Kempen.
9. Jumlah Ganjaran Promosi A yang diperuntukkan oleh Bank dihadkan setakat **Ringgit Malaysia Dua Ratus Sepuluh Puluhan Ribu (RM210,000)** sepanjang Tempoh Kempen, atas dasar siapa cepat dia dapat. Walau apa pun, apabila had yang ditetapkan itu telah tercapai maka tiada lagi Ganjaran Promosi A akan diberi.
10. Ganjaran Promosi A akan dikreditkan ke dalam Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i Pelanggan Layak Promosi A selewat-lewatnya 30 September 2022. Untuk tujuan ini, Pelanggan Layak Promosi A hendaklah memastikan Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i kekal aktif sehingga 30 September 2022 dengan baki akaun minimum sebanyak **Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500)**. Sekiranya Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i ditutup atas apa jua sebab sekalipun sebelum 30 September 2022, maka Pelanggan Layak Promosi A akan terlucut kelayakan daripada menerima Ganjaran Promosi A.
11. Pelanggan Layak Promosi A akan diberitahu menerusi Khidmat Pesanan Ringkas (“**SMS**”) selewat-lewatnya 30 September 2022 sebaik sahaja Ganjaran Promosi A telah dikreditkan ke dalam Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i. Bagi mengelakkan keraguan, SMS yang dihantar kepada Pelanggan Layak Promosi A akan berpandukan nombor hubungan terkini yang terakam dalam sistem dan/atau rekod Bank.

**Promosi B – Faedah Bonus/Keuntungan 1.80% setahun (“Promosi B”)**

**KAEDAH KEMPEN**

12. Pelanggan Promosi B yang memenuhi Kriteria Kelayakan Promosi B semasa Tempoh Kempen (“**Pelanggan Layak Promosi B**”) akan menerima Faedah Bonus/Keuntungan 1.80% setahun untuk satu (1) bulan (“**Ganjaran Promosi B**”):
- (a) Membuka Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i seperti tersebut dalam Fasal 4 dan mendeposit amaan permulaan minimum yang ditetapkan ke dalam Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i; dan
  - (b) Mengelakkan minimum Baki Purata Harian (“**DAB**”) sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) untuk satu (1) bulan seperti tertera dalam Jadual 2 di bawah ini:

**Jadual 2**

Bulan Pembukaan Akaun	Faedah Bonus/Bulan Keuntungan
April 2022	Mei 2022
Mei 2022	Jun 2022
Jun 2022	Julai 2022

13. Setiap Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i Pelanggan Layak Promosi B mestilah mempunyai Baki Akhir Bulan (“**MEB**”) minimum sebanyak **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)** pada akhir Tempoh Kempen untuk melayakkan diri menerima Ganjaran Promosi B.
14. Ganjaran Promosi B dikira berdasarkan dan perlu dibayar setakat had baki deposit maksimum sebanyak **Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu (RM100,000)** sahaja yang ada dalam Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i dan setiap Pelanggan Layak Promosi B berhak menerima satu (1) Ganjaran Promosi B sahaja dihadkan setakat amaan maksimum **Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh (RM150)** sepanjang Tempoh Kempen.
15. Jumlah Ganjaran Promosi B yang diperuntukkan oleh Bank dihadkan setakat **Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000)** sepanjang Tempoh Kempen, atas dasar siapa cepat dia dapat. Walau apa pun, apabila sahaja had yang ditetapkan itu telah tercapai maka tiada lagi Ganjaran Promosi B akan diberi.
16. Bagi mengelakkan keraguan,
- (a) Baki Purata Harian (“**DAB**”) ditakrif sebagai hasil tambah baki penutup harian dalam Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i dibahagi dengan bilangan hari dalam bulan yang sama.
  - (b) Baki Akhir Bulan (“**MEB**”) ditakrif sebagai baki penutup Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i bagi setiap akhir bulan berkenaan.
  - (c) Faedah Bonus/Keuntungan dikira seperti berikut:
- $$\frac{DAB \times 1.80\% \times \text{Jumlah bilangan hari dalam bulan layak}}{365 \text{ hari}}$$
17. Semua deposit mestilah “Dana Baharu” sahaja. Bagi mengelakkan keraguan, “**Dana Baharu**” ditakrif sebagai:
- (a) Wang tunai, GIRO antara bank, Pindahan Segera dan dana baharu DuitNow yang diterima menerusi pindahan bertelegraf daripada bank lain atau cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i; dan
  - (b) Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon/sukuk dan/atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Kempen yang didepositkan semula ke dalam Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i.

18. Yang berikut **TIDAK** dianggap "Dana Baharu":
  - (a) Deposit Tetap atau Deposit Tetap-i ("FD/FD-i") yang matang atau pengeluaran pramatang mananya akaun FD/FD-i yang sedia ada;
  - (b) Pindahan dana intrabank, iaitu pindahan dana daripada Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i yang lain, FD/FD-i atau Akaun Pelaburan Am ("GIA"); dan
  - (c) Pindahan antara cawangan dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).
19. Senario di bawah ini menunjukkan contoh bagaimana Ganjaran Promosi B dikira:

**Senario 1:**

Sunny Trading membuka Akaun Semasa Asas pada 01 April 2022:

Bulan Pembukaan Akaun	Faedah Bonus/Bulan Keuntungan	April DAB (RM)	April MEB (RM)	Kelayakan	Faedah Bonus/Keuntungan (RM)
01 April 2022	01 – 30 Mei 2022	50,000	30,000	Ya	$50,000 \times 1.80\% \times 31/365 = 76$
<b>Jumlah (RM)</b>					<b>76</b>

**Senario 2:**

Nasi Lemak ABC membuka Akaun Semasa-i pada 28 Mei 2022:

Bulan Pembukaan Akaun	Faedah Bonus/ Bulan Keuntungan	Jun DAB (RM)	Jun MEB (RM)	Kelayakan	Faedah Bonus/Keuntungan (RM)
28 Mei 2022	01 – 30 Jun 2022	110,000	50,000	Ya	$100,000 \times 1.80\% \times 30/365 = 150$
<b>Jumlah (RM)</b>					<b>150*</b>

\*Faedah Bonus/Keuntungan dibayar setakat RM100,000 DAB sahaja

20. Ganjaran Promosi B akan dikreditkan ke dalam Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i Pelanggan Layak Promosi B selewat-lewatnya 30 September 2022. Bagi tujuan ini, Pelanggan Layak Promosi B hendaklah memastikan Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i mereka kekal aktif sehingga 30 September 2022. Sekiranya Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i ditutup atas apa jua sebab sekalipun sebelum 30 September 2022, maka Pelanggan Layak Promosi B akan terlucut kelayakan menerima Ganjaran Promosi B.
21. Pelanggan Layak Promosi B akan diberitahu melalui Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS") tidak lewat daripada 30 September 2022 sebaik sahaja Ganjaran Promosi B telah dikreditkan ke dalam Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i mereka. Bagi mengelakkan keraguan, SMS yang dihantar kepada Pelanggan Layak Promosi B akan berpandukan nombor hubungan terkini seperti yang terakam dan terpapar dalam sistem dan/atau rekod Bank.

**UMUM**

22. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju:
  - (a) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&Cs di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun bagi Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i.

- (b) keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan;
  - (c) mengakses laman web Bank di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("Laman Web Bank") dari semasa ke semasa untuk menyemak T&Cs Kempen untuk memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&Cs;
  - (d) ganjaran Promosi A dan Ganjaran Promosi B tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit muka, cek atau manfaat barang; dan
  - (e) bertanggungjawab dan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen.
23. Bank berhak:
- (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&Cs terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari, atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank; dan
  - (b) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar oleh Bank daripada menyertai Kempen dan/atau berhak menerima Ganjaran Promosi A dan/atau Ganjaran Promosi B.
24. T&Cs di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun bagi Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan antara T&Cs di dalam ini dengan Terma dan Syarat Am Akaun bagi Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i, maka T&Cs tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
25. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan antara T&Cs ini berbanding dengan bahan-bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka T&Cs dalam Laman Web Bank hendaklah diutamakan.
26. T&Cs di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
27. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, dan begitu juga sebaliknya.

**Akaun Sertaan-i adalah akaun deposit berlandaskan prinsip Syariah iaitu Tawarruq.**

**Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**

Jika anda mempunyai apa-apa kemosykilan mengenai T&Cs, sila dapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang melayani anda.

Ataupun, sila hantar emel kepada [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my)